



Ruj.Kami: JSM/AD-100/03/01 Jld. 5

Tarikh: 23 Februari 2016

**KEPADA MAKMAL / BADAN PEMERIKSA / BADAN PENSIJILAN**

Tuan,

**LANGKAH-LANGKAH STRATEGIK DAN PERBELANJAAN BERHEMAH DALAM  
MELAKSANAKAN AKTIVITI AKREDITASI STANDARDS MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Tuan, Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) telah mengenal pasti beberapa langkah strategik dan perbelanjaan berhemah dalam menjalankan aktiviti penilaian akreditasi. Langkah-langkah ini perlu dilaksanakan bagi membolehkan peruntukan perbelanjaan aktiviti penilaian akreditasi yang telah dirancang adalah mencukupi dengan peruntukan sedia ada.
3. Sehubungan itu, mohon kerjasama dan perhatian Tuan dalam menjayakan langkah-langkah strategik ini bagi memastikan semua aktiviti akreditasi yang dirancang lebih teratur dan sistematik. Bersama-sama ini, disertakan **Pekeliling Langkah-langkah Strategik dan Perbelanjaan Berhemah bagi Aktiviti Akreditasi Standards Malaysia (Lampiran 1)** yang akan dilaksanakan berkuatkuasa mulai Mac 2016.
4. Sekiranya Tuan memerlukan sebarang maklumat lanjut, pihak Tuan boleh menghubungi saya ditalian: 03-8318 2227, emel: [shaharul@jsm.gov.my](mailto:shaharul@jsm.gov.my) atau En. Wan Rukiman Bin Wan Mamat ditalian: 03-8319 1308, emel: [wr@jsm.gov.my](mailto:wr@jsm.gov.my) atau mana-mana pegawai Akreditasi yang berkenaan.

5. Kerjasama Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"DITERIMA RAKYAT, DIKTIRAF DUNIA"**

Saya yang menurut perintah,



**(SHAHARUL SADRI BIN ALWI)**

Pengarah Akreditasi

Jabatan Standard Malaysia

Edaran Dalaman

s.k.:

1. YBhg. Datuk Fadilah Binti Baharin,  
Ketua Pengarah, Standards Malaysia
2. En. Ahmad Faizal Bin Ghazalli,  
Pengarah, Bahagian Khidmat Pengurusan, Standards Malaysia

## LAMPIRAN 1

### **PEKELILING LANGKAH-LANGKAH STRATEGIK DAN PERBELANJAAN BERHEMAH BAGI AKTIVITI AKREDITASI STANDARDS MALAYSIA (KELUARAN 1, 23 FEBRUARI 2016)**

1. Bagi makmal yang mempunyai skop *calibration on - site*, tiada penilaian *witnessing on-site* akan dijalankan semasa penilaian *surveillance*.
2. Tiada penilaian *verification of signatory* dijalankan secara berasingan. *Verification of signatory* hanya dijalankan bersekali dengan penilaian *compliance/surveillance/reassessment/ extension of scope*.
3. *Adequacy Audit* hendaklah dijalankan secara *off-site*.
4. Penilaian bagi *extension of scope* hanya fokus terhadap keperluan teknikal sahaja.
5. Semua penilaian akreditasi akan menggunakan Sistem eAkreditasi bermula tahun 2016.